

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Tarikh: <tarikh>

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk ini menyediakan maklumat penting tentang insurans kemalangan diri anda.

Pelanggan-pelanggan lain telah membaca Lembaran Pendedahan Produk ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

1 Apa itu I-Linked PA Rider 2?

I-Linked PA Rider 2 ialah rider penolakan unit tanpa penyertaan yang menyediakan perlindungan bagi kematian atau Kehilangan Upaya Menyeluruh dan Kekal akibat kemalangan. Rider ini juga menyediakan perlindungan bagi Kehilangan Upaya Menyeluruh Sementara, Kehilangan Upaya Sebahagian Sementara, Manfaat Pendapatan Berterusan, dan manfaat Kemasukan Hospital akibat kemalangan.

2 Ketahui Perlindungan/Manfaat-Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, anda akan menerima **perlindungan** seperti yang berikut:

Ini adalah terpakai untuk pekerja pejabat (kelas pekerjaan 1), berumur 30 tahun pada hari jadi berikutnya, dengan tempoh rider selama 35 tahun, Jumlah Diinsuranskan sebanyak RM100,000 dan risiko piawai.

Kematian Akibat Kemalangan atau Kehilangan Upaya Menyeluruh dan Kekal

(a) Kematian	RM100,000
(b) Kehilangan upaya menyeluruh dan kekal	RM150,000
(c) Kehilangan penggunaan menyeluruh dan kekal satu atau kedua-dua lengan atau kaki	RM100,000
(d) Kehilangan penglihatan menyeluruh dan tidak boleh pulih satu atau kedua-dua mata	RM100,000
(e) Kehilangan penglihatan menyeluruh dan tidak boleh pulih satu mata kecuali pengamatan cahaya	RM50,000
(f) Kehilangan menyeluruh dan tidak boleh pulih kanta satu mata	RM50,000
(g) Kehilangan menyeluruh dan kekal pendengaran kedua-dua telinga	RM75,000
(h) Kehilangan menyeluruh dan kekal pendengaran satu telinga	RM25,000
(i) Kehilangan menyeluruh dan kekal keupayaan bertutur	RM50,000
(j) Kehilangan menyeluruh dan kekal ibu jari dan empat jari satu tangan	RM75,000
(k) Kehilangan menyeluruh dan kekal empat jari satu tangan	RM40,000
(l) Kehilangan ibu jari	RM30,000
- Kedua-dua falanks	RM15,000
- Satu falanks	
(m) Kehilangan jari telunjuk	
- Tiga falanks	RM10,000
- Dua falanks	RM8,000
- Satu falanks	RM6,000
(n) Kehilangan jari hantu - tiga falanks	RM5,000
(o) Kehilangan jari manis - tiga falanks	RM5,000
(p) Kehilangan jari kelengkeng - tiga falanks	RM5,000
(q) Kehilangan jari kaki	
- Semua	RM15,000
- ibu jari, dua falanks	RM5,000
- ibu jari, satu falanks	RM3,000
- mana-mana jari kaki lain	RM1,000

Jumlah maksimum keseluruhan yang perlu dibayar adalah **RM100,000**, kecuali (b) iaitu **RM150,000**.

Kematian Akibat Kemalangan dalam Pengangkutan Awam

RM200,000

Kehilangan Upaya Menyeluruh Sementara

RM800 seminggu

Kehilangan Upaya Sebahagian Sementara

RM450 seminggu

Manfaat Pendapatan Berterusan

RM12,000 setahun

Kemasukan Hospital

RM300 sehari

Perlindungan Tambahan

Tidak berkenaan.

Insurans kemalangan diri anda **tidak termasuk**:

- Kecederaan yang disengajakan atau bunuh diri dalam keadaan siuman atau tidak siuman;
- Sebarang kecederaan yang dialami semasa berada di bawah pengaruh alkohol, dadah atau narkotik; dan
- Sebarang kecederaan yang dialami semasa terlibat dalam sukan profesional, polo, terjun bungee, lumba berhalangan, mendaki gunung, sukan musim sejuk atau memburu.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Anda harus rujuk kepada kontrak tambahan bagi senarai pengecualian yang penuh.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi MCIS Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

MCIS Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans kemalangan diri anda, anda boleh:



Hubungi
03-7652 3388



Emel
customerservice@mcis.my

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Bagi insurans kemalangan diri anda, anda harus membayar premium sebanyak:

Premium	Tidak berkenaan. Caj-caj Insurans bulanan akan ditolak daripada Nilai Akaun anda bagi kos menyediakan perlindungan insurans bagi Jumlah Diinsuranskan sebanyak RM100,000. Caj-caj Insurans yang diilustrasikan di dalam Ilustrasi Produk adalah dikenakan ke atas risiko piawai.
---------	---

Tempoh Rider: **<tempoh>** tahun

Anda juga perlu membayar yuran-yuran dan caj-caj yang berikut:

Komisen	Tidak berkenaan.
---------	------------------

4 Terma Penting Lain

- Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan, pekerjaan dan aktiviti peribadi dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda mungkin mengalami risiko tuntutan anda ditolak atau rider anda ditamatkan.
- Terma rider dan Caj-caj Insurans mungkin berbeza bergantung pada keperluan pengunderaitan oleh MCIS Insurance Berhad.
- Caj-caj Insurans adalah tidak dijamin. MCIS Insurance Berhad berhak untuk mengubah Caj-caj Insurans dengan memberikan 3 bulan notis bertulis dahulu.
- Rider akan luput apabila Nilai Akaun tidak mencukupi untuk membayar Caj Insurans.
- Anda boleh mendapatkan maklumat mengenai prosedur tuntutan dan borang-borang yang berkenaan dengan menghubungi MCIS Insurance Berhad.
- Jika anda bertukar polisi anda daripada satu syarikat insurans kepada yang lain atau bertukar daripada satu jenis pelan insurans kepada yang lain, anda mungkin dikenakan terma dan syarat baharu oleh pelan insurans baharu atau syarikat insurans baharu.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Anda harus rujuk kepada kontrak tambahan bagi senarai terma dan syarat yang penuh.

? Bolehkah saya membatalkan rider saya?

Ya, anda boleh membatalkan rider anda dengan memberikan notis bertulis kepada MCIS Insurance Berhad.

- **Tempoh Bertenang:** Anda boleh membatalkan rider anda dalam tempoh 15 hari dari tarikh penghantaran Polisi. Caj-caj Insurans yang telah ditolak dengan sebarang perbelanjaan perubatan yang ditanggung akan dibayar balik ke Nilai Akaun.
- **Selepas Tempoh Bertenang:** Jika anda membuat keputusan untuk tidak meneruskan rider ini selepas tempoh bertenang, anda boleh membatalkan dengan menulis kepada MCIS Insurance Berhad.